

## **PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT (PISH) KOLEJ KOMUNITI TAPAH DAN IMPLIKASINYA TERHADAP MAAHAD TAHFIZ DI SEKITAR TAPAH**

Nor Atikah Mohd Nawi  
*Kolej Komuniti Tapah*  
*noratikah@kktapah.edu.my*

### **ABSTRAK**

Pelaksanaan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) Kolej Komuniti Tapah merupakan salah satu inisiatif Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang berkonsepkan kesinambungan Pendidikan Islam secara berterusan kepada setiap lapisan masyarakat. Ia bertujuan memberikan ilmu kemahiran dan keusahawanan kepada golongan sasaran seperti pelajar Maahad Tahfiz dan pelajar sekolah pondok. Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana pelaksanaan program PISH Kolej Komuniti Tapah dan seterusnya melihat apakah implikasi pelaksanaannya terhadap Maahad Tahfiz sekitar Tapah. Kaedah dokumen dan temu bual telah digunakan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan PISH Kolej Komuniti Tapah memberi implikasi yang positif terhadap Maahad Tahfiz di sekitar Tapah dari pelbagai aspek dan seterusnya dapat menjalankan fungsinya dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat sekitar melalui tawaran kursus pendek. Akhirnya, kertas ini telah mengemukakan beberapa cadangan agar pelaksanaan program ini dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

**Kata Kunci:** Pendidikan Islam Sepanjang Hayat, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Implikasi, Maahad Tahfiz

### **PENGENALAN**

Agama Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu kerana ilmu merupakan kayu ukur dalam kehidupan kita dalam menentukan sama ada perkara tersebut baik atau tidak. Selain itu, Allah SWT juga akan mengangkat orang-orang yang berilmu dengan beberapa darjah berdasarkan firman-Nya:

*Maksudnya: “Supaya Allah SWT meninggikan darjah orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan Agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjah”.* [al-Mujadalah:11]

Berdasarkan firman Allah SWT ini, ia menunjukkan akan wujudnya ganjaran di akhirat dan karamah (kemuliaan) di dunia. Maka dengan itu, diangkat orang yang beriman daripada orang yang tidak beriman dan orang yang alim daripada orang yang bukan alim. Ilmu di dunia ini cukup luas untuk dituntut dan diamalkan meliputi duniawi dan ukhrawi yang berasaskan fardu ain dan fardu kifayah.

Pendidikan di Malaysia ini juga berpasakkan kepada Falsafah Pendidikan Negara iaitu:

*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.*

Sesuatu pembelajaran itu juga tidak terhad kepada persekolahan di arus perdana sahaja, bahkan pembelajaran secara tidak formal melalui kursus jangka pendek juga termasuk dalam sesi pembelajaran untuk menambahkan ilmu dan kemahiran seseorang. Di peringkat Kolej Komuniti, institusi ini menyediakan perkhidmatan kursus jangka pendek melalui Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan menawarkan pelbagai kursus kemahiran dan akademik mengikut kehendak dan keperluan masyarakat sekitar.

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) telah menjadi satu agenda global untuk menghadapi pelbagai cabaran pembangunan mampan. Dalam konteks Malaysia, pembelajaran sepanjang hayat ditakrifkan sebagai proses pendemokrasian pendidikan menerusi penguasaan ilmu, kemahiran dan keterampilan menerusi kaedah formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman di tempat kerja atau semasa latihan. Tumpuan sasaran ialah individu berumur 15 tahun dan ke atas, khususnya mereka yang tidak mengikuti pendidikan konvensional dan pendidikan sepenuh masa. PSH boleh diakses terutamanya menerusi pembelajaran jarak jauh, e-pembelajaran, pembelajaran di tempat kerja dan pembelajaran separuh masa.

Kementerian Pengajian Tinggi bertanggungjawab untuk membangunkan bakat rakyat Malaysia bagi melahirkan masyarakat berpengetahuan dan ekonomi berasaskan inovasi. Usaha ini dipacu oleh pelbagai institusi pendidikan sama ada awam atau swasta yang bernaung di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dengan menawarkan pelbagai kursus jangka pendek yang berteraskan kemahiran di samping akademik itu sendiri.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) melalui lonjakan ketiga iaitu menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat menyatakan:

*Pembelajaran pembelajaran sepanjang hayat (PSH) membolehkan warga Malaysia mendapat ilmu dan kemahiran bersesuaian dengan model ekonomi berpendapatan tinggi. PSH mampu mengembeleng potensi individu yang masih belum berada dalam pasaran kerja menerusi pelbagai peluang meningkatkan kemahiran. PSH juga boleh memupuk minat dan menyemai bakat untuk kehidupan yang lebih bermakna. Menerusi PSH, pendidikan tidak hanya terhad kepada usia muda, tetapi perlu dilanjutkan sepanjang hayat.*

Pelaksanaan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) Kolej Komuniti Tapah merupakan salah satu inisiatif Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang berkonsepkan kesinambungan Pendidikan Islam secara berterusan kepada setiap lapisan masyarakat. Atas dasar tanggungjawab kepada komuniti setempat, Kolej Komuniti Tapah bertanggungjawab memberikan ilmu kemahiran dan keusahawanan kepada golongan sasaran. Kaedah pembelajaran adalah berbentuk *modular* atau *customized programmes* mengikut permintaan dan kesesuaian. Menurut Hafez, Ishak dan Zainudin (2016) kepentingan PISH ini boleh dibahagikan kepada tiga iaitu

pendidikan untuk pemangkin generasi pada masa hadapan, pemangkin kepada masyarakat dan memberikan kesinambungan Pendidikan Islam.

## **PENYATAAN MASALAH**

Daya saing global dan kepelbagaiannya keperluan telah mendesak individu supaya sentiasa memperbaharui pengetahuan dan kemahiran mereka. Masyarakat perlu mempunyai kemahiran dan nilai tambah yang lain dalam menerobos dunia pada masa kini. Masyarakat perlu berusaha menambahkan ilmu dan kemahiran kendiri melalui kursus, internet dan pelbagai medium lain.

Misi JPPKK memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat perlu diperhalusi dan disambut baik oleh segenap masyarakat. Persepsi masyarakat terhadap PSH perlu dipertingkatkan untuk menggalakkan minat dan kecenderungan masyarakat setempat menambah pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini ialah:

- 3.1 Mengenal pasti kaedah pelaksanaan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Tapah.
- 3.2 Mengenal pasti impak pelaksanaan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Tapah terhadap Maahad Tahfiz di sekitar Tapah.

## **4.0 KAJIAN SOROTAN**

Menurut Yufiza Mohd Yusof, Siti Saleha Abd Aziz dan Zamaruzaman Mohamad (2016) dalam kajian bertajuk “Pelaksanaan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia” menyatakan bahawa impak keberkesanan program PISH amat penting untuk melihat sejauh mana program ini benar-benar memberikan kebaikan kepada semua pihak. Di samping itu juga untuk melihat jaringan kolaborasi di antara pihak Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK) dan institusi-institusi luar dalam menjayakan program PISH.

Menurut Mohammad Hafeez bin Md Ramli, Ishak bin Mohamad dan Mohd Zainudin bin Mohd Esin (2016) dalam kajiannya bertajuk “Impak Pelaksanaan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi Bagi Fasa Pertama 2014-2015” menyatakan bahawa impak PISH fasa pertama dalam membina hubungan dan merapatkan ukhuwah dilihat tercapai dengan peningkatan kolaborasi Kolej Komuniti bersama institusi keagamaan dan jabatan luar.

Menurut Mohammad Abu Bakar, Muhamad Haidir Zainuddin, Muhammad Zahid Ali Siddik, Asni Nor Rizwan Abdul Rani dalam kajian bertajuk “Keberkesanan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Berasaskan Teknologi Abad Ke 21” mendapati bahawa hasil gabungan PISH dan sistem pengajaran abad ke-21, kita akan melahirkan individu yang berkemahiran dalam bidangnya tetapi di bawah kawalan nilai-nilai agama supaya ilmu yang ada tidak disalahgunakan.

Menurut Yufiza Mohd Yusof, Siti Saleha Abd Aziz, (2014) dalam kajiannya bertajuk “Pembelajaran Sepanjang Hayat Pencetus Kemahiran Dalam Membangunkan Komuniti” menyatakan bahawa PSH adalah pencetus pengetahuan dan kemahiran tinggi secara holistik dalam membangunkan komuniti Kampung Sungai Sejuk Sungai Siput. Malahan di mana juga kita berada ilmu merupakan tunjang kejayaan kerana dengan memiliki ilmu sesbuah bangsa maju dan sentiasa berdaya saing untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan dunia dan akhirat.

## METODOLOGI

Kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah dokumen dan kaedah temu bual. Instrumen yang digunakan untuk memperoleh data adalah kualitatif. Kajian kualitatif ini dijalankan melalui dokumen dan temu bual untuk memperoleh data yang lebih tepat. Untuk melaksanakan kajian ini, pengkaji mengumpul data melalui sumber berikut:

### Data sekunder

Data sekunder diperoleh daripada Unit Pendidikan Berterusan Kolej Komuniti Tapah dengan mendapatkan data dan statistik kursus pendek PISH yang telah dilaksanakan oleh Kolej Komuniti Tapah yang melibatkan tiga Maahad Tahfiz sekitar Tapah iaitu Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin-4, Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin-26 dan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Tapah dalam tempoh tahun 2018 hingga 2020.

### Data primer

Kaedah temu bual dilakukan dengan menyediakan soalan-soalan yang berkaitan dengan kajian untuk ditanyakan kepada informan. Kaedah ini bagi mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan program PISH di KK Tapah dengan menemu bual Timbalan Pengarah Kolej Komuniti Tapah dan Pensyarah Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Tapah. Manakala bagi mendapatkan data implikasinya terhadap Maahad Tahfiz sekitar Tapah, pengkaji telah menemu bual Timbalan Pengarah Kolej Komuniti Tapah, Pensyarah Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Tapah, Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni Kolej Komuniti Tapah, Pensyarah Utama Kursus, Pengetua Maahad Tahfiz dan juga pelajar Maahad Tahfiz.

## PERBINCANGAN

Perbincangan yang dikupas dalam kajian ini adalah berkisarkan persoalan dan objektif kajian.

### Pelaksanaan Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (Pish) Kolej Komuniti Tapah

Kolej Komuniti Tapah terdiri daripada pelbagai unit daripada bahagian pentadbiran dan akademik. Salah satu unit yang penting di bawah Pengurusan Akademik adalah Unit Pendidikan Berterusan yang berperanan menyelia program pendidikan sepanjang hayat kepada komuniti setempat. Kolej Komuniti Tapah telah melaksanakan banyak kursus jangka pendek sejak penubuhannya 10 tahun yang lalu. Pendidikan sepanjang hayat yang ditawarkan terdiri daripada kursus kemahiran kepada komuniti dan golongan sasaran seperti pelajar Maahad Tahfiz dan sekolah pondok yang dikenali sebagai Pendidikan Islam Sepanjang Hayat. Oleh yang demikian, Pendidikan Islam Sepanjang Hayat merupakan salah satu elemen pendidikan sepanjang hayat yang berbentuk modular atau *customized program* mengikut permintaan dan kesesuaian.

Unit Pendidikan Berterusan Kolej Komuniti Tapah diterajui oleh Timbalan Pengarah dan dibantu oleh Pensyarah Pendidikan Sepanjang Hayat serta seorang penyelaras. Perancangan kursus sepanjang tahun akan dibuat dan dipertingkatkan lagi pelaksanaannya dengan kursus atas permintaan komuniti setempat mengikut permintaan dan keperluan semasa. Semua pensyarah di Kolej Komuniti Tapah diberi tanggungjawab untuk mengajar kursus jangka pendek sebagai pensyarah utama dan ditetapkan *Key Performance Indicators* (KPI) sebagai penunjuk pencapaian pelaksanaan kursus individu dalam jangka masa setahun. Pelaksanaan kursus ini tidak ditetapkan oleh Unit Pengurusan secara khusus bahkan semua pensyarah diberi kebebasan untuk melaksanakan kursus mengikut kepakaran, kemampuan dan kreativiti masing-masing selagi mana tidak melanggar *Standard Operating Procedure* (SOP) PSH yang ditetapkan.

Objektif penubuhan Unit Pendidikan Berterusan Kolej Komuniti Tapah bertujuan untuk membantu membangunkan potensi kumpulan sasar komuniti setempat. Pelbagai kursus pendek

yang dilaksanakan di Kolej Komuniti telah menyumbang kepada pengurangan jurang tenaga mahir yang dihadapi oleh industri melalui program peningkatan kemahiran dan latihan semula (*upskilling* dan *reskilling*). Golongan sasaran ialah golongan miskin tegar, ibu tunggal, belia dan warga emas / pesara, komuniti setempat, institusi pendidikan, kariah masjid, pusat tafhib, agensi kerajaan dan swasta, lepasan sekolah, pelajar sekolah warga emas, Orang kurang Upaya (OKU), suri rumah dan lain-lain dengan ilmu kemahiran hidup dan teknikal serta keusahawanan.

Konsep Pendidikan Islam Sepanjang Hayat yang dilaksanakan oleh Kolej Komuniti Tapah mengandungi lima elemen penting iaitu:

**i- Kurikulum**

Sukatan pelajaran atau kurikulum yang diguna pakai adalah berdasarkan dua aspek iaitu yang pertama kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan sukatan institusi agama yang dilantik kerajaan seperti JAKIM atau Jabatan Agama Islam Negeri. Antara contoh kursus yang telah dilaksanakan adalah Kursus Pengurusan Jenazah, Kursus Bahasa Arab, Kursus Asas Tajwid dan Kursus Asas Jawi. Kedua, kurikulum berdasarkan aspek kemahiran yang diguna pakai di Institusi TVET dan kemahiran yang dilantik kerajaan seperti Kolej Komuniti itu sendiri, Politeknik, Giat MARA, Kolej Vokasional dan lain-lain. Antara contoh kursus yang telah dilaksanakan adalah Kursus Photoshop, Kursus Sketchup, Kursus Asas Fotografi, Kursus Asas Gunting Rambut, Kursus Asas Robotik-Arduino, Kursus Asas Pengendalian Dron dan sebagainya.

**ii- Tenaga Pengajar**

Pensyarah Utama sesuatu kursus adalah terdiri daripada pensyarah-pensyarah Institut kemahiran seperti Kolej Komuniti, Politeknik, Giat Mara, Kolej Vokasional atau Badan Swasta yang mempunyai kepakaran tertentu. Selain itu, tenaga pengajar yang dilantik juga boleh melibatkan Institusi Agama seperti Guru Pendidikan Islam, Guru Takmir, Guru Kafa, atau sebagainya.

**iii- Premis**

Premis atau lokasi pelaksanaan kursus PISH adalah Kolej Komuniti itu sendiri, Politeknik, Pusat Komuniti setempat, Dewan Komuniti, Sekolah Tahfiz, Masjid, Surau dan lain-lain premis yang dianggap sesuai. Pihak pengajur boleh mencadangkan premis-premis dan prasarana yang bersesuaian dengan keperluan kursus.

**iv- Sasaran**

Sasaran utama pelaksanaan kursus PISH adalah melibatkan belia, pelajar dan komuniti setempat. Namun, ianya tetap dibuka kepada masyarakat umum dengan pelbagai lapisan masyarakat. Mengikut rekod Unit Pendidikan Berterusan Kolej Komuniti Tapah, dalam tempoh tiga tahun ini, pelaksanaan program PISH telah dilaksanakan dengan pelajar-pelajar di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin-4, Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin-26 dan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Tapah.

**v- Penglibatan**

Dalam menjayakan sesuatu kursus PISH itu, banyak pihak akan berkolaborasi dengan Kolej Komuniti Tapah yang terdiri daripada Institusi Agama tempatan dan Negeri, Sekolah-sekolah Agama, Maahad Tahfiz dan juga Institusi kemahiran setempat.

### **Implikasi Pelaksanaan Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (Pish) Kolej Komuniti Tapah Terhadap Maahad Tahfiz Di Sekitar Tapah**

Melalui kajian yang telah dilakukan, beberapa implikasi pelaksanaan Program PISH Kolej Komuniti Tapah terhadap Maahad Tahfiz di Sekitar Tapah telah diperoleh. Melalui rekod Unit

Pendidikan Berterusan Kolej Komuniti Tapah, statistik menunjukkan sebanyak 55 buah kursus PISH telah dilaksanakan sepanjang tempoh tiga tahun berakhir. Perincianya adalah seperti yang berikut:

| Tahun | Jumlah Kursus PISH |
|-------|--------------------|
| 2018  | 20                 |
| 2019  | 18                 |
| 2020  | 17                 |

**Jadual 1:** Jumlah pelaksanaan program PISH Kolej Komuniti Tapah bersama Maahad Tahfiz di Sekitar Tapah

Implikasi pelaksanaan kursus PISH Kolej Komuniti Tapah terhadap Maahad Tahfiz di Sekitar Tapah dapat dirumuskan seperti yang berikut:

**i- Penawaran Kursus Teknikal dan Kemahiran**

Seiring dengan Misi JPPKK dalam menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf, Kolej Komuniti Tapah berusaha menjadi institusi TVET yang unggul di Tapah. Penubuhan 98 Kolej Komuniti di seluruh negara buat masa ini mampu memupuk dan menanam budaya pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan rakyat. Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berkata penawaran kursus jangka pendek dan panjang di Kolej itu dilihat mampu menunaikan permintaan masyarakat tanpa mengira peringkat umur apabila menyediakan pelbagai latihan serta kemahiran yang diperlukan menerusi pelbagai kursus yang ditawarkan (Utusan Borneo, 2018).

Bertitik tolak daripada harapan itu, Kolej Komuniti Tapah memainkan peranan yang besar dalam menyediakan kemahiran kepada komuniti setempat terutama kepada golongan sasaran melalui program PISH. Kombinasi pembelajaran agama dan kemahiran kepada pelajar Maahad Tahfiz dapat melahirkan modal insan yang seimbang duniawi dan ukhrawi.

Hasil temu bual bersama Pensyarah Pendidikan Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Tapah iaitu Tn. Hj. Bazli bin Azmi, beliau menyatakan bahawa Kolej Komuniti Tapah komited dalam memberikan khidmat kursus kemahiran jangka pendek dan modular sebagai usaha untuk memperkasakan komuniti setempat dengan menawarkan kursus kemahiran dan teknikal. Antara contoh kursus PISH yang pernah dilaksanakan bersama Maahad Tahfiz sekitar Tapah dalam tempoh tahun 2018 hingga 2020 adalah kursus Asas Fotografi, Kursus Sketchup, Kursus Asas Photoshop, Kursus Asas Pendawaian Eletrik, Kursus Asas Robotik, Kursus Asas Jahitan Manik, Kursus Berasaskan Komputer, Kursus Simen Fero , Kursus Asas Mural, Kursus Asas Pastri, Kursus Masakan - Corndog, Kursus Masakan - Lasagna dan Kursus Penghasilan Cream Puff. Kursus-kursus berikut boleh dijadikan asas untuk pelajar-pelajar berkecimpung dalam IKS atau secara sambilan.

Pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin-4 dan Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin-26 menzahirkan harapan bahawa supaya pelajar-pelajar dapat memanfaatkan kursus kemahiran yang diajar oleh pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Tapah. Beliau sentiasa menyokong program-program yang bermanfaat kepada pelajar-pelajarnya dan semua kursus dilaksanakan bagi memenuhi masa lapang hujung minggu pelajar.

Seorang pelajar Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin-4, Muhammad Zukhruf Aiman bin Ariffan Bakti mengatakan bahawa kursus kemahiran amat penting pada masa kini sebagai ilmu sampingan yang dipelajari iaitu ilmu al-Quran.

**ii- Jalinan Kolaborasi**

Teras strategik kelima Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025 iaitu memperkuuh kolaborasi dan komuniti dengan memastikan sumbangan signifikan kepada negara dan komuniti. Melalui kerjasama aktif bersama institusi agama, Kolej Komuniti Tapah telah membuat jalinan kolaborasi bersama Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak. Perancangan kursus kemahiran juga telah diperluaskan dengan perancangan kursus kolaborasi bersama asnaf-asnaf di Negeri Perak. Sehingga ke saat ini perancangan aktiviti itu diteruskan bersama Kolej Komuniti Negeri Perak. Kolej Komuniti Tapah juga terlibat dengan satu kursus iaitu Kursus Jangka Pendek Program Kemahiran Baitulmal 2020 (Kursus Fotografi).

Selain itu, Kolej Komuniti Tapah juga telah membuat jalinan kolaborasi bersama Maahad Tahfiz di sekitar Tapah. Temu bual bersama Pn. Nurazua binti Abd Rahman iaitu Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni Kolej Komuniti Tapah, beliau menyatakan bahawa kolaborasi yang dilaksanakan bersama Maahad Tahfiz melibatkan perkara berikut:

- ✓ Perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat latihan.
- ✓ Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan.
- ✓ Menyediakan dan menyelaras latihan kursus PISH
- ✓ Penglibatan dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

Selain itu, Pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin-4 mengatakan bahawa kolaborasi ini sangat penting bagi mereka dalam memperkasakan pelaksanaan kurikulum dan program di Maahad Tahfiz dengan menyediakan pendidikan berasaskan agama dan kemahiran teknikal.

**iii- Penganjuran Program Khas**

Penganjuran program khas adalah program kelolaan Kolej Komuniti Tapah dengan kerjasama Yayasan Perak, Jabatan Agama Islam Perak, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Program ini dinamakan Program 1 Tahfiz 1 Kemahiran. Melalui temubual bersama Pn. Atikah yang merupakan Timbalan Pengarah Kolej Komuniti Tapah, Kolej Komuniti Tapah telah mendapat peruntukan khas daripada Yayasan Perak, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak untuk melaksanakan kursus PISH kepada Maahad Tahfiz yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Perak. Jumlah peruntukan yang diterima adalah seperti berikut:

| Tahun | Jumlah Peruntukan | Institusi                                  | Penawaran Kursus  |
|-------|-------------------|--|-------------------|
| 2018  | RM5000.00         | Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin-4  | Kursus Simen Fero |
| 2019  | RM5000.00         | Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin-26 | Kursus Simen Fero |
| 2020  | RM5000.00         | Maahad Tahfiz Wal Dirasah Islamiah         | Kursus Simen Fero |

**Jadual 2:** Program 1 Tahfiz 1 Kemahiran Kolej Komuniti Tapah bersama Maahad Tahfiz sekitar Tapah

Hasil temu bual bersama Pensyarah Pembelajaran Sepanjang Hayat, beliau memberitahu bahawa Program 1 Tahfiz 1 Kemahiran bertujuan memberi peluang kepada pelajar-pelajar Maahad Tahfiz mendapatkan ilmu kemahiran serta keusahawanan yang seterusnya dapat digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Beliau juga mengatakan bahawa Program 1 Tahfiz 1 Kemahiran pada tahun 2018 dan 2019 dapat dilaksanakan dengan jayanya, namun untuk tahun 2020 terpaksa ditunda berikutan pandemik Covid-19 yang melanda negara ketika ini.

Pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin-4 menyatakan bahawa program seperti ini dapat memberikan nilai tambah kepada pelajar-pelajarnya hasil dari pembelajaran kemahiran. Program kemahiran seperti ini akan diteruskan secara berkala bersama Kolej Komuniti Tapah di masa-masa akan datang.

**iv- Melahirkan Usahawan**

Salah satu pendekatan program PISH adalah memberi latihan keusahawanan kepada pelajar di institusi agama. Modul keusahawanan disertakan di dalam kursus pendek yang dilaksanakan namun tidak diberi penekanan yang serius. Ini kerana, untuk menjadi usahawan berjaya beberapa isu perlu diatasi seperti modal pengoperasian perniagaan, bahan mentah, aset dan juga prasarana seperti yang diutarakan oleh Pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin-26 apabila pengkaji bertanya berkenaan cabaran yang dihadapi oleh pelajar.

Temu bual bersama Pensyarah Pembelajaran Sepanjang Hayat juga beliau bersetuju dengan kenyataan yang diutarakan oleh Pengetua berkenaan. Namun, pelajar-pelajar boleh berusaha menjadi usahawan dengan bermula kecil-kecil selepas menjalani kursus seperti Kursus Jahitan Manik, Kursus Asas Pastri, Kursus Masakan - Corndog, Kursus Masakan - Lasagna, Kursus Penghasilan Cream Puff, Kursus Photoshop dan sebagainya.

Pn. Zuryani merupakan salah seorang Pensyarah Utama kursus juga ada memberi cadangan bahawa modul keusahawanan boleh diperkasa lagi dengan kaedah pelaksanaan kursus secara modular kerana ia hanya melibatkan masa kursus yang lebih panjang dengan melihat jenis-jenis kursus yang bersesuaian.

**v- Melahirkan Para Hafiz yang Celik Teknologi Maklumat (IT) seiring dengan Revolusi 4IR**

Menurut Timbalan Pengarah Kolej Komuniti Tapah, JPPKK berhasrat menjadikan Kolej Komuniti sebuah institusi TVET yang berpacuan 4IR seiring dengan peredaran dunia masa kini. Oleh itu, Kolej Komuniti Tapah perlu unggul dalam mengharungi cabaran perubahan teknologi, perkembangan revolusi perindustrian 4.0, landskap pekerjaan untuk menawarkan gaya pembelajaran generasi masa kini. Sedar akan tanggungjawab ini, Kolej Komuniti Tapah menawarkan kursus-kursus berasaskan teknologi maklumat agar pelajar-pelajar Maahad Tahfiz mampu menggunakan komputer dan perisian di samping ilmu agama yang dipelajari di sekolah mereka.

Hasil temu bual bersama Pensyarah Pembelajaran Sepanjang Hayat, beliau menyatakan bahawa kursus-kursus bersama Maahad Tahfiz telah disusun di awal setiap tahun mengikut persetujuan bersama. Antara kursus berasaskan teknologi maklumat yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 sehingga 2020 adalah Kursus Asas Robotik, Kursus Photoshop, Kursus Komputer - PowerPoint, Kursus Sketchup, Kursus Asas Microsoft Excel, Kursus Asas Microsoft Word dan Kursus Asas Fotografi. Bahkan kursus ini berterusan setiap tahun mengikut permintaan Maahad Tahfiz.

**vi- Erat Silaturahim**

Objektif pelaksanaan PISH adalah untuk membina hubungan dan merapatkan ukhuwah antara Kolej Komuniti dengan institusi luar. Impak PISH fasa pertama dalam membina hubungan dan merapatkan ukhuwah dilihat tercapai dengan peningkatan kolaborasi Kolej Komuniti bersama institusi keagamaan dan jabatan luar (Mohammad Hafeez et. al, 2016).

Menurut Pegawai Perhubungan Industri dan Alumni Kolej Komuniti Tapah, sehingga kini Kolej Komuniti Tapah telah membina hubungan kolaborasi dengan tiga Maahad Tahfiz di sekitar Tapah iaitu Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin-4, Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin-26 dan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Tapah. Perkara ini merupakan kesinambungan kepada hubungan silaturahim yang erat antara Kolej Komuniti Tapah dengan Maahad Tahfiz.

Pensyarah Pembelajaran Sepanjang Hayat menyatakan bahawa kerjasama erat ini akan diperluaskan lagi kepada Maahad Tahfiz yang lain sekitar Tapah dengan penawaran program PISH dan jalinan kolaborasi yang utuh.

Pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Addin-4 menyatakan hasrat bahawa pelajar-pelajarnya akan dihantar kursus kemahiran dengan Kolej Komuniti Tapah secara berkala memandangkan ianya memberi impak yang positif kepada pelajar-pelajarnya. Mereka akan menghantar pelajarnya berkursus setiap tahun selagi pihak Maahad berkemampuan dari segi kewangan atau logistik.

## **KESIMPULAN**

Falsafah PISH bukan sekadar penerusan Pendidikan Islam kepada pelbagai lapisan masyarakat akan tetapi juga pengukuhan nilai tambah kepada golongan agamawan terutama menerusi ilmu-ilmu yang bersifat kemahiran dan kepakaran. Ini penting sebagai proses integrasi dan penyepaduan ilmu yang sememangnya menjadi ciri tradisi ilmu Islam (Yufiza et. al, 2016).

Sebagai kesimpulannya, pelaksanaan program PISH Kolej Komuniti Tapah memberi kebaikan kepada Maahad Tahfiz di sekitar Tapah dari pelbagai aspek dan seterusnya dapat menjalankan fungsinya dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat sekitar melalui tawaran kursus pendek. Hal ini dipermudahkan lagi dengan sokongan JPPKK melalui misinya memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat dan kerjasama erat dengan institusi agama yang lain. Walau bagaimanapun, bagi memperkasakan lagi program PISH, sesi temu bual bersama pihak berkepentingan telah dijalankan. Hasil temu bual telah menunjukkan implikasi yang positif terhadap pelaksanaan program PISH Kolej Komuniti Tapah dengan sedikit cadangan supaya pengiktirafan PISH melalui penyediaan sijil pendidikan, penambahan aset untuk keperluan kursus, menaik taraf prasarana dan promosi pelaksanaan program PISH secara efektif. Justeru itu, pelaksanaan program PISH terbukti memberi implikasi yang positif kepada Maahad Tahfiz sekitar Tapah dengan penawaran kursus kemahiran dan kursus keagamaan.

## **RUJUKAN**

- Mohammad Hafeez Md. Ramli, Ishak bin Mohamad & Mohd Zainudin bin Mohd Esin. 2016. Impak Pelaksanaan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi Bagi Fasa Pertama 2014-2015. Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti.  
Mohammad Abu Bakar, Muhamad Haidir Zainuddin, Muhammad Zahid Ali Siddik & Asni Nor Rizwan Abdul Rani. Keberkesanan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Berdasarkan Teknologi Abad Ke 21.

- Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. (2018). Pelan Strategik 2018-2025 Politeknik dan Kolej Komuniti. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.
- Yufiza Mohd Yusof, Siti Saleha Abd Aziz. (2014). Pembelajaran Sepanjang Hayat Pencetus Kemahiran Dalam Membangunkan Komuniti.
- Yufiza Mohd Yusof, Siti Saleha Abd Aziz dan Zamaruzaman Mohamad. (2016) Pelaksanaan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia. Kolej Komuniti Batu Gajah.
- Umar Mukhtar Mohd Noor, (2016), Irsyad al-Hadith Siri Ke-109: Kelebihan Menuntut Ilmu. [Online]: <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/1122-irsyad-al-hadith-siri-ke-109-kelebihan-menuntut-ilmu> (akses pada 1 September, 2020)
- [Online]: <https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/falsafah-pendidikan-kebangsaan> (akses pada 1 September, 2020)
- Utusan Borneo, (2018), Kolej Komuniti Pupuk Budaya Pembelajaran Sepanjang Hayat. [Online]: <https://www.utusanborneo.com.my/2018/04/14/kolej-komuniti-pupuk-budaya-pembelajaran-sepanjang-hayat> (akses pada 1 September, 2020)